














MAKLUMAT INOVASI 2014

Tajuk Inovasi	RAT-LALAT				
Ketua Kumpulan	DR. KAMARUDIN BIN MD. ISA 				
Ahli Kumpulan	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%; text-align: center;"> DR. JULAIDA BT SULAIMAN  </td> <td style="width: 50%; text-align: center;"> DR. SITI NURKHADIJAH BT MD YUNOS  </td> </tr> <tr> <td style="width: 50%; text-align: center;"> DR. SITI ZUBAIDAH BT CHE LEM  </td> <td style="width: 50%; text-align: center;"> TN. HAJI AHMAD AZAM BIN YAMEN  </td> </tr> </table>	DR. JULAIDA BT SULAIMAN 	DR. SITI NURKHADIJAH BT MD YUNOS 	DR. SITI ZUBAIDAH BT CHE LEM 	TN. HAJI AHMAD AZAM BIN YAMEN 
DR. JULAIDA BT SULAIMAN 	DR. SITI NURKHADIJAH BT MD YUNOS 				
DR. SITI ZUBAIDAH BT CHE LEM 	TN. HAJI AHMAD AZAM BIN YAMEN 				
Latarbelakang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ladang ternakan ayam di negeri Johor berjumlah 839 buah. Ianya mempunyai kapasiti pemeliharaan sejumlah 59,300,000 ekor (anggaran pelaburan RM2 billion) berupaya mengeluarkan 343 juta ekor setahun (5.8 pusingan) mencapai nilai ladaag RM3.4 billion setahun 2. Penternak-penternak ayam ini dikawal menerusi pelaksanaan Enakmen Kawalan dan Pelesenan Penternakan Unggas 1997, yang mula dikuatkuasa 				

	<p>pada tahun 2000. Penternak-penternak dilesenkan dan dipantau supaya mematuhi syarat-syarat lesen, Antara perkara yang diberi penekanan termasuklah aspek kebersihan ladang dan pencegahan ladang dari menjadi tempat pembiakan lalat (seksyen 18).</p> <p>3. Aduan kacau-ganggu lalat oleh penduduk sering berlaku khususnya dikawasan dimana kepadatan ladang-ladang dan populasi ayam yang tinggi seperti di Macap. Respon reaktif Jabatan sediada terhadap aduan tersebut tidak berkesan kerana kompaun yang dikenakan tidak “diterrent” manakala nasihat diberikan bagi mengatasi masalah lalat diladang tidak diikuti. Oleh yang demikian idea baru diperlukan bagi mengatasi masalah ini.</p>
<p>Ringkasan Inovasi</p>	<p>RAT-LALAT adalah pasukan petugas pantas khas (Rapit Action Team) bertindak memberi khidmat untuk mengatasi masalah lalat di ladang ayam dan sekitarnya. Setiap pasukan dianggotai kakitangan JPV sediada yang terdiri daripada seorang penguatkuasa, dua orang staf teknikal dan 1 orang pekerja rendah dan pemandu. Pasukan ini dilengkapi dengan perlatan semburan elektrostatik terkini untuk membunuh larva dan lalat dewasa. Mobiliti pantas pasukan ini ditunjangi 11 buah kenderaan 4WD Toyota Hilux. Sebanyak 11 pasukan RAT-LALAT telah ditubuhkan bagi mengatasi masalah lalat berpunca dari ladang ayam di Johor. Inovasi ini tercetus bagi mengatasi kegagalan perkhidmatan yang diberi selama ini - iatu khidmat nasihat dan mengenakan kompaun kepada pengusaha yang didapati membiarkan ladangnya menjadi tempat pembiakan lalat. Perkhidmatan diberi oleh pasukan RAT-LALAT dapat menyelesaikan masalah lalat di ladang. Pasukan RAT-LALAT mula beroperasi pada awal 2013 setelah perolehan peralatan dan latihan dilaksanakan pada penghujung 2012. Diperingkat awal operasi RAT-LALAT digerakan secara berpusat (centralized) yang dikoordinasi oleh JPV Ibu Pejabat di Nusajaya. Semua sebelas pasukan RAT-LALAT digerakkan ke kawasan “hot-spot” dimana sering terdapat aduan kacau-ganggu lalat dimana kepadatan ladang dan populasi ayam adalah tinggi. Pada tahun 2014 perkhidmatan ini telah di “decentralize” di Pejabat Veterinar Daerah dan menjadikan khidmat eliminasi lalat di ladang ayam sebagai khidmat baru diberikan oleh PVD daerah. Impak perkhidmatan RAT-LALAT dapat dilihat dengan penurunan kes aduan kacau-ganggu lalat Pada masa,yang sama pemantauan tempat-tempat strategik pengukur berlakunya masalah lalat seperti di R&R Machap umpamanya mendapati masalah ini telah dapat diatasi. Pasukan RAT-LALAT telah memperbetulkan imej negatif industri pengeluaran ayam. Inovasi RAT-LALAT juga memberi kemahiran baru kepada anggota JPV Johor yang boleh menyumbang kepada sustainabiliti Industri Unggas negeri dan negara.</p>
<p>Faedah Inovasi</p>	<p>i. Kemahiran baru Kakitangan JPV memperoleh kemahiran baru dan dapat memberikan khidmat baru memusnahkan larva dan lalat di ladang-ladang ayam dan dengannya masalah kacauganggu lalat berpunca dari ladang-ladang ayam dapat diatasi.</p> <p>ii. Pengurangan kos Memandangkan inovasi ini adalah inisiatif baru, perbandingan situasi</p>

	<p>sebelum dan selepas pelaksanaan inovasi ini tidak dapat dibuat malahan ianya tidak relevant. Namun begitu pada fasa awal dimana operasi dijalankan secara “centralized” kos operasi adalah tinggi, umpamanya kos operasi Macap yang melibatkan 32 buah ladang pada Januari 2013 ialah sebanyak RM15,372.00. Pada tahun 2014 operasi RAT-LALAT digerakkan terus dari PVD. Langkah ini telah dapat menjimatkan kos operasi kepada RM2,676.00 sahaja.</p> <p>iii. Penjimatan masa</p> <p>Begitu juga halnya aspek penjimatan masa. Namun begitu perbandingan dibuat keatas fasa pelaksanaan pelan eliminasi lalat. Pada fasa perkhidmatan secara centralized, pasukan-pasukan RAT-LALAT berkumpul di tempat strategik dan terpaksa bermalam. Untuk operasi Macap fasa-1 pasukan RAT-LALAT menginap selama 4 hari di PLTV Kluang. Setelah ianya di decentralized keperluan bermalam telah dapat diatasi. Ini menjimatkan masa operasi secara keseluruhan.</p> <p>iv. Peningkatan hasil kerja</p> <p>Jabatan tidak mempunyai kapasiti dan keupayaan melakukan tindakan eliminasi lalat diladang-ladang ayam sebelum inovasi ini dicetuskan. Pradigma ini telah diubah menerusi inovasi RAT-LALAT. Pada masa ini semua ladang ayam di Johor boleh diliputi oleh pasukan RAT-LALAT. Malahan perkhidmatan RAT-LALAT telah turut diberikan dimajlis-majlis melibatkan kehadiran orang ramai bagi memastikan tiada kacau-ganggu lalat dimajlis tersebut. Jabatan juga sedang berunding dengan Jabatan Kesihatan untuk menghulur bantuan didalam pemusnahan nyamuk vektor penyakit denggi di kawasan perumahan yang akan dijadikan sebagai projek perintis selaras dengan pendekatan Lautan Biru.</p> <p>v. Peningkatan kepuasan pelanggan</p> <p>Pelanggan utama perkhidmatan RAT-LALAT adalah penduduk sekitaran ladang ayam. Mereka melahirkan ketidakpuasan hati menerusi aduan kepada Jabatan mahupun kepada media masa, Penurunan aduan adalah menunjukkan kepuasan pelanggan meningkat. Pada tahun 2012 sebanyak 6 aduan diterima, ini telah menurun kepada 3 (menurun sebanyak 50%) pada tahun 2013 dan 2 kes pada tahun 2014. Pada masa yang sama isu kacau-ganggu juga dibangkitkan di setiap persidangan Dewan Undangan Negeri. Persidangan DUN pada tahun 2014 sehingga kini tidak ada soalan dibangkitkan oleh wakil rakyat berkaitan isu kacau-ganggu lalat. Pada masa yang sama pengunjung-pengunjung R&R Macap pada masa ini didapati selesa tanpa gangguan lalat yang selama ini sinonim dengan R&R tersebut sejak sekian lama.</p>
<p>Maklumat Lanjut</p>	<p>Nama : Dr. Kamarudin bin Md. Isa Alamat : Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor Aras 4, Bangunan Dato Mohamad Ibrahim Munsyi Kota Iskandar, 79630 Nusajaya Johor No. Tel : 07-2667501 No. HP : 012-3445854 Email : kamarudin.isa@johor.gov.my Webmail : -</p>

Gambar Produk Inovasi

